

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 MAC 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12

Persaingan turun harga barang beransur-ansur

Persaingan turun harga barang beransur-ansur

Kuala Lumpur: Pengenalan Menu Rahmah serta juadah sarapan dan makan tengah hari serendah RM2 dilihat dapat menstabilkan harga barangan, sekali gus memberi manfaat kepada rakyat negara ini.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, kerajaan kini menumpukan usaha dan pendekatan bagi menambah bekalan makanan serta menurunkan harga barangan secara beransur-ansur.

Beliau berkata, langkah itu termasuk meningkatkan persaingan harga lebih rendah melalui Menu Rahmah RM5 dan juadah sarapan serta makan tengah hari serendah RM2 melalui mesin layan diri di bawah Inisiatif Pendapatan Ra-

kyat (IPR).

"Kita ambil pendirian tak payah bertekak dengan pimpinan mereka yang meninggalkan masalah ini dan tumpu kepada usaha menambah bekalan makanan pada harga rendah untuk memberi pilihan kepada rakyat, sekali gus menurunkan harga secara beransur-ansur.

"Itu fungsi kaedah meningkatkan persaingan harga lebih rendah seperti Menu Rahmah RM5 dan kini juadah sarapan dan makan tengah hari serendah RM2 melalui mesin vending di bawah IPR," katanya melalui laman Facebooknya, semalam.

Rafizi berkata, langkah itu secara beransur diharapkan mengimbangi permintaan dan bekalan makanan di seluruh negara dan pada masa sama membantu golongan memerlukan.

Katanya, langkah berkenaan dilihat lebih mampan berbanding mencari jalan singkat membelanjakan wang rakyat untuk terus berutang seperti dilakukan pentadbiran terdahulu.

"Kita juga membuka tanah kerajaan yang tidak dipakai untuk diusahakan usahawan tani dari golongan miskin dan B40 untuk menambah bekalan makanan mentah seperti cili, sayur dan lain-lain

"Secara beransur-ansur kita berharap ini mengimbangi permintaan dan bekalan makanan setempat di samping membantu golongan susah," katanya.



**“
Kita tumpu usaha menambah bekalan makanan pada harga rendah
Rafizi**